

08/03/2000

Pasang perenjis air sebelum 30 April: Law

Jami'ah Shukri

KUALA LUMPUR, Selasa - Semua bangunan tinggi di Wilayah Persekutuan diwajibkan memasang alat perenjis air luaran atau semburan air di premis masing-masing untuk mengurangkan suhu panas serta mengurangkan pencemaran udara di ibu kota, sebelum, 30 April ini.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata premis yang gagal memasang alat itu akan dikenakan tindakan mengikut peraturan tertentu oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Beliau berkata, pada dasarnya lebih 70 pemilik bangunan tinggi di Wilayah Persekutuan sudah menyatakan persetujuan menyediakan alat semburan air itu selepas kementerian bermesyuarat dengan pemilik bangunan terbabit, semalam.

"Setakat ini, enam bangunan tinggi di sekitar bandar raya ini sudah memasang semburan air.

"Berdasarkan kajian DBKL, pemasangan alat semburan air itu mampu mengurangkan suhu panas antara tiga hingga lima darjah celsius serta dapat membersihkan udara dan alam sekitar termasuk mengurangkan masalah jerebu," katanya selepas menyampaikan Anugerah Akreditasi di Hotel Nikko di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengerusi Majlis Standard dan Akreditasi Malaysia, Tan Sri Wan Abdul Rahman Yaakub dan Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia, Mah Lok Abdullah.

Sebelum ini, Kabinet mengarahkan DBKL meminda undang-undang sedia ada bagi memastikan semua bangunan tinggi mempunyai perenjis air luaran.

Penggunaan perenjis air luaran, menerusi kaedah pancutan air dan semburan air secara tertutup itu dicadangkan selepas beberapa kajian oleh kementerian mendapati ia berkesan menjernihkan udara selepas 20 minit disemburkan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, juga meminta kementerian itu menjalankan kajian terhadap pembersih udara bergerak keluaran syarikat Jerman dan membandingkannya dengan pembersih udara tempatan.

Pada masa ini, dua jenis pembersih udara statik keluaran tempatan dipasang di terminal bas Puduraya dan Petaling Jaya untuk mengurangkan kadar asap dan habuk.

Law berkata, perbelanjaan bagi pemasangan serta penyelenggaraan alat perenjis air itu tidak begitu tinggi.

"Saya difahamkan, DBKL membelanjakan kira-kira RM28,000 bagi menyediakan alat perenjis air luaran itu. Bagaimanapun, kos itu boleh dikurangkan.

"Setiap satu alat perenjis itu boleh menyimpan kira-kira 3,200 liter air dan mampu melakukan semburan selama 20 minit bagi mengurangkan suhu dan membersihkan udara di sekitar bangunan terbabit.

"Semburan air tidak dilakukan setiap hari sebaliknya ia dilakukan apabila berlaku perubahan cuaca panas terik atau keadaan jerebu," katanya.

Law berkata, setakat ini, pemasangan semburan air itu hanya wajib dipatuhi oleh pemilik bangunan tinggi di sekitar bandar raya ini sahaja.

Bagaimanapun, pihaknya tidak menolak kemungkinan untuk mewajibkan semua bangunan tinggi di seluruh negara memasang alat itu, pada masa depan.

"Sebagai permulaan, kita cuba pasang alat itu di sekitar bandar raya dahulu untuk melihat keberkesanannya kepada keadaan alam sekitar," katanya.

(END)

